

25 MAR 1997

Hawke-Mahathir

BEKAS PEMIMPIN AUSTRALIA MEMUJI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Australia Bob

Hawke, yang pernah mencetuskan perbalahan diplomatik dengan Malaysia hari

ini memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kejayaan

beliau menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang makmur.

"Sejak 16 tahun beliau memegang jawatan tertinggi itu, Malaysia menyaksikan perubahan," kata beliau kepada para hadirin semasa pelancaran

projek perumahan eksklusif Jade San Lembah Jati, oleh Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, di sini.

"Bagi rekod, Perdana Menteri anda dan saya pernah mempunyai beberapa

perbezaan pendapat dalam tempoh itu, saya mahu menyatakan dengan kriteria

objektif, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mesti disenaraikan sebagai antara

pemimpin cemerlang di dunia hari ini."

Bob kini merupakan pemimpin World Pitch & Putt Corporation Inc. (WPPCI), sebuah syarikat Kanada yang memegang francais dunia bagi padang-padang golf World Pitch & Putt.

Syarikat itu telah membentuk perkongsian dengan Jade San Realty Sdn

Bhd, iaitu pemaaju tempatan projek perumahan itu untuk membina padang golf

World Pitch & Putt (Malaysia) Sdn Bhd (WPPM).

Hawke berkata, Malaysia dengan sebuah masyarakat yang pernah dikenali

kerana ketegangan kaum kini menunjukkan toleransi yang tinggi dengan setiap

elemen saling memperkukuhkan kebolehan yang lain untuk memajukan kepentingan negara secara keseluruhannya, kata beliau.

Dan suara Malaysia - yang dahulunya tidak diambil perhatian - kini

dinyatakan dengan lantang dan didengar dengan penuh hormat di rantau ini

dan juga di luar rantau, kata beliau.

Hawke pernah menimbulkan perbalahan diplomatik apabila beliau menyatakan perbuatan mengantung dua rakyat Australia iaitu Kevin Barlow and

Brian Chambers pada 1986 sebagai "perbuatan kejam".

Bagaimanapun, Dr Mahathir menjawab: "Itu pendapatnya. Saya tidak berminat".

-- BERNAMA

YBK PR